

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HGM 131 – Geografi Manusia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Sekurang-kurangnya satu soalan mesti dijawab dari setiap **Bahagian A** dan **Bahagian B**. Soalan No. 1 dari **Bahagian A** adalah WAJIB.

...2/-

Bahagian A

1. Data ruang dan data atribut dalam kajian Geografi Manusia datang dari pelbagai sumber dan format. Bincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh sistem maklumat geografi dalam menangani isu ini terutamanya dalam tugas mengurus kedua-dua jenis data tersebut.

Bahagian B

2. [a] Huraikan kepentingan kajian geografi sejarah.
[5 markah]
- [b] Menggunakan model Rostow, bincangkan sejarah pemodenan SEBUAH negara yang dikatakan turut mengalami kehancuran kreatif semasa negara tersebut menuju moderniti.
[20 markah]
3. [a] Nasionalisme ialah satu 'metos' identiti dalam dunia moden (Smith 1991). Huraikan.
[5 markah]
- [b] Merujuk contoh-contoh legenda, metos, landskap dan ikon tempatan serta luar negara, bincangkan bagaimana ideologi teritori menunjukkan ikatan sekumpulan orang dengan tanah tumpah darahnya.
[20 markah]
4. [a] Huraikan ruang lingkup geografi sosial dan budaya mutakhir.
[5 markah]
- [b] Pandang darat sosial menunjukkan idea, sikap, simbol dan institusi yang berbeza di atas pandang darat itu. Bincangkan bagaimana satu pandang darat yang sama diberi makna secara berbeza oleh dua kumpulan sosial yang berbeza.
[20 markah]

- 5 [a] Jelaskan ciri-ciri utama pertanian komersial intensif dan pertanian komersial ekstensif. [10 markah]
- [b] Bincangkan mengapa terdapat perbezaan yang ketara di antara negara maju dengan negara membangun. [15 markah]
- 6 [a] Senaraikan LIMA faktor lokasi tradisional yang menentukan perletakan industri pembuatan. [5 markah]
- [b] Merujuk kepada kawasan perindustrian pembuatan di ASEAN, bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan dalam era globalisasi. [20 markah]
7. [a] Senaraikan lima petunjuk kualiti hidup. [5 markah]
- [b] Merujuk kepada Semenanjung Malaysia, bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada wujudnya perbezaan pembangunan sosial dan ekonomi di antara wilayah [20 markah]
8. [a] Jelaskan faktor-faktor pertumbuhan penduduk bandar. [5 markah]
- [b] Merujuk kepada Pulau Pinang, bincangkan masalah-masalah yang muncul berpunca dari pertumbuhan bandar yang pesat. [20 markah]